

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut;
- NO. SEBUT HARGA : JPS WPKL (SH) / ME / 05 / 2022
TAJUK PROJEK : KERJA-KERJA NAIKTARAF DAN PENYELENGGARAAN SISTEM ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN JPS WP KUALA LUMPUR

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G1/G2/G3	ME	E 04- Pemasangan Voltan Rendah Dan E11 - Kerja Am Elektrik

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur** mulai dari **20 April 2022 (Rabu)** hingga **27 April 2022 (Rabu)**.
4. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada PENAMA kontraktor atau wakil (surat wakil kuasa perlu disertakan) yang sah sahaja bagi yang menghadiri taklimat tapak. Untuk maksud ini kontraktor / wakil perlu membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB.
5. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang Pos (money order) sahaja** berharga RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ringgit Sahaja) yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - KASA - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
6. Sebut harga ini akan dijual pada **20 April 2022 (Rabu)** hingga **27 April 2022 (Rabu)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
7. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Tiada lawatan tapak diadakan. Namun kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan secara sendiri dan berasingan. Kontraktor **DIGALAKKAN** menghadiri taklimat sebut harga. Taklimat akan diadakan di **Bilik Mesyuarat Utama, Aras Bawah, Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** pada **20 April 2022 (Rabu)** pada jam **10.00 pagi**. Hanya **PENAMA** syarikat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut. Sehubungan dengan itu, kontraktor diminta untuk memenuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **27 April 2022 (Rabu)** Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
10. Penyebut harga **boleh menghantar dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum **atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lwatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah Pencegahan Covid-19 dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM dan MKN semasa pembelian dan penghantaran dokumen sebut harga ke JPSWPKL.

.....
Nama : **HJ. MOHD. AZMIN BIN HUSSIN**
Tarikh : **14/4/22**
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur